

Headline	<b>Tanam pokok bakau</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>13 Jun 2010</b>	Page No	<b>S2</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>44 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>176</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>528</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>		



## **Tanam pokok bakau**

Sime Darby Plantation Sdn Bhd, dengan kerjasama KPMG Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), akan menanam lebih 150 anak pokok bakau bagi memulihkan ekosistem hutan bakau di sepanjang pantai Pulau Carey.

Pemangku Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Bhd, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, projek itu bertujuan mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan melindungi dan memulihara ekosistem hutan bakau.

"Penglibatan KPMG Malaysia bermula September lepas apabila syarikat menyumbang RM50,000 untuk membiasai sebahagian projek berkenaan," katanya selepas merasmikan projek penanaman semula pokok bakau di Pulau Carey di sini, semalam.